

KESAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI KEPADA PERUBAHAN IJTIHAD FIQH: ANALISIS TERHADAP TEMPOH MAKSIMUM KEHAMILAN DAN DARAH HAID PEREMPUAN MENGANDUNG

Mohammad Naqib Hamdan, Nur Hidayati Zainal & Mohd Anuar Ramli

Abstrak

Perkembangan sains dan teknologi banyak membantu para fuqaha' kontemporari dalam memberikan gambaran yang jelas sebelum mereka mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum. Namun, bagi fuqaha' klasik, mereka hanya bergantung kepada maklumat dan pengalaman individu yang terbatas. Kesannya, terdapat beberapa fatwa bertentangan dengan penemuan sains terkini. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan dan kepentingan sains dan teknologi dalam membantu para fuqaha' mengeluarkan hukum. Kajian ini akan melihat dua contoh isu fiqh perubatan yang berlaku khilaf di kalangan fuqaha' klasik, dan ia mampu diputuskan dengan penemuan sains dan teknologi terkini. Tempoh maksimum kehamilan yang disebutkan oleh fuqaha' klasik adalah antara sembilan bulan hingga tujuh tahun, sedangkan pengamal perubatan mengatakan kandungan yang melepasi tempoh 42 minggu adalah sangat berbahaya. Sebahagian dari mereka juga berpendapat bahawa perempuan mengandung masih boleh mengalami haid sedangkan ia bertentangan dengan dapatan sains terkini. Hasil kajian membuktikan bahawa penemuan sains dan teknologi sangat penting dalam membantu pengeluaran fatwa, disamping keperluan menilai semula beberapa fatwa fuqaha' klasik yang dilihat bertentangan dengan fakta sains.

Kata kunci: *Sains dan teknologi, perubahan hukum, tempoh maksimum kehamilan, haid.*

PENGENALAN

Islam adalah satu agama yang lengkap dan mencakupi setiap aspek kehidupan. Ia mampu menyediakan jawapan bagi isu-isu yang timbul dalam kehidupan seharian manusia dengan ijtihad fiqh yang dibuat oleh para ulama' bagi setiap zaman. Ijtihad fiqh bersifat *zanni* dan terdedah kepada sebarang perubahan selari dengan perubahan masa, tempat dan manusia sebagaimana yang telah disebutkan oleh para ulama' (al-Jawziyyah, 1423H).

Selain daripada tiga faktor ini, terdapat satu lagi faktor yang boleh menyebabkan sesuatu ijtihad fiqh berubah adalah perkembangan ilmu pengetahuan manusia tentang satu-satu perkara. Perkara ini tidak disebutkan oleh para *usuliyyun* klasik namun sebahagian ulama' kontemporari seperti al-Qaradawi (1996) meletakkannya sebagai salah satu syarat yang mesti dipenuhi oleh seorang mujtahid. Perkembangan ilmu pengetahuan manusia boleh diletakkan di bawah perubahan *'urf*.

Ibn Qayyim telah menukikan kata-kata Imam Ahmad yang menyebutkan bahawa seorang mujtahid itu perlu mempunyai lima perkara yang perlu dipenuhi; (1) niat yang baik, (2) ilmu, malu, dan ketenangan, (3) maklumat yang lengkap, (4) hidup bersama manusia, (5) mengenali manusia (al-Jawziyyah, 1423H). Beliau kemudiannya membuat komentar bahawa jika perkara ini tidak dipenuhi, mujtahid tersebut akan lebih banyak menyebabkan kerosakan lebih banyak dari kebaikan, menganggap penzalim sebagai orang yang dizalimi, kebenaran sebagai kesesatan dan sebagainya (al-Jawziyyah, 1423H).

AL-THAWABIT WA AL-MUTAGHAYYIRAT

Apabila aspek perubahan hukum di dalam Islam dibincangkan, satu perkara yang perlu disedari adalah bukan semua aspek di dalam Islam akan mengalami perubahan dengan perubahan masa, tempat, manusia dan keadaan. Ini kerana, hukum hakam di dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua, iaitu *al-Thawabit* (kekal) dan *al-Mutaghayyirat* (berubah-ubah). Ibn Qayyim menyebutkan di dalam bukunya, *Ighathah al-Lahafan* (al-Jawziyyah, 1412H):

Hukum-hakam boleh dibahagikan kepada dua jenis: (1) Jenis pertama yang tidak berubah dalam apa jua keadaan, tidak kira berubahnya zaman, tempat atau ijtihad para mujtahid seperti kewajipan perkara wajib, pengharaman perkara haram, hukuman hudud yang telah ditetapkan oleh syarak ke atas penjenayah dan sebagainya. (2) Jenis kedua adalah yang boleh berubah berdasarkan maslahat-maslahat tertentu yang sesuai dengan zaman, tempat dan keadaan, seperti undang-undang *ta'zir*, jenisnya dan sifatnya. Syarak telah menjadikannya pelbagai jenis sesuai dengan maslahat-maslahat yang pelbagai.

Seterusnya, beliau membuat komentar terhadap contoh-contoh yang telah diberikan. Kata beliau: *Bab ini sangat luas. Ramai manusia yang telah terkeliru antara hukum-hakam yang tetap dengan hukum-hakam yang berubah-ubah* (al-Jawziyyah, 1412H). Perkara yang sama juga telah

disebutkan oleh al-Qarafi al-Maliki (1995; 2003) di dalam bukunya, *al-Ihkam* dan *al-Furuq*, juga Ibn 'Abidin al-Hanafi (t.t.) di dalam bukunya, *Nasyr al-'Urf fi Bina' Ba'd al-Ahkam 'ala al-'Urf*. Dalam hadis Nabi saw, terdapat beberapa peristiwa dan keadaan Nabi saw menukar beberapa hukum disebabkan perbezaan tertentu, seperti perbezaan manusia dan keadaan. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra:

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ (ص) عَنِ الْمَبَاشَرَةِ لِلصَّائِمِ ، فَرُخِّصَ لَهُ ، وَأَتَاهُ آخَرُ فَسَأَلَهُ فَنَهَاهُ ، فَإِذَا الَّذِي رُخِّصَ لَهُ شَيْخٌ ، وَإِذَا الَّذِي نَهَاهُ شَابٌ

Terjemahan: Sesungguhnya seorang lelaki telah datang bertanya kepada Nabi saw tentang mencium (isteri) bagi orang yang sedang berpuasa, lalu Nabi saw membenarkannya. Kemudian datang pula lelaki lain dan bertanya soalan yang sama, lalu Nabi saw menegahinya. Orang yang Nabi saw benarkan itu adalah seorang tua, dan orang yang ditegah oleh Nabi saw adalah seorang pemuda (Abu Dawud, t.t., no. hadis 2387).

Dalam satu hadis yang lain:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

Terjemahan: Aku pernah menegah kamu dari menziarahi kubur, maka ziarahlah sekarang (Muslim, 1426H, no. hadis 977).

Dalam hadis pertama, Nabi saw membenarkan orang tua untuk mencium isterinya kerana dia mampu untuk mengawal nafsunya dari melakukan persetubuhan pada siang hari di bulan Ramadan. Bagi pemuda pula, kemampuannya untuk mengawal nafsu mungkin berbeza dengan orang tua dan dikhuatiri akan merangsang syahwatnya untuk bersetubuh di siang hari. Begitu juga dengan larangan menziarahi kubur pada permulaan Islam kerana iman para sahabat pada waktu itu masih belum kukuh. Namun, selepas beberapa Nabi saw yakin dengan keteguhan iman mereka, barulah mereka dibenarkan menziarahi kubur. Jadi, perubahan hukum disebabkan berubahnya aspek-aspek tertentu bukan satu perkara baru, tetapi ia mempunyai sandaran yang kukuh dari hadis Nabi saw.

'URF AL-TIQNIQI DAN PERUBAHAN HUKUM

Salah satu dari aspek penting dalam perubahan hukum adalah *'Urf al-Tiqniqi* seperti perkembangan teknologi semasa dan maklumat sains moden. Para mujtahid kontemporari perlu memahami secara umum dan mengambil kira perkembangan sains dan teknologi dalam pengeluaran hukum. Al-Qaradawi pernah menimbulkan persoalan bagaimana seorang mujtahid ingin mengeluarkan fatwa tentang isu semasa seperti pengguguran, perancangan keluarga dan kecacatan janin jika dia tidak mengetahui tentang peranan sperma dalam menentukan jantina, persenyawaan antara sperma dan ovum, fasa permulaan kehidupan janin dan sebagainya (al-Qaradawi, 1996). Jika mujtahid mendapat maklumat yang salah, maka sudah tentu ijtihadnya juga tidak tepat. Perubahan ini selari dengan kaedah fiqh:

لا يَنكُرُ تَغْيِيرَ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ

Terjemahan: Tidak boleh disangkal berlaku perubahan hukum dengan sebab perubahan masa (perubahan adat dan 'urf) (al-Qaradawi, 1989).

Selain itu, kaedah yang lebih terperinci dikemukakan oleh Ibn al-Qayyim (1992), iaitu:

تَغْيِيرُ الْفَتْوَى وَاخْتِلَافُهَا بِحَسَبِ تَغْيِيرِ الْأَزْمَنَةِ وَالْأَمْكِنَةِ وَالْأَحْوَالِ وَالنِّيَّاتِ وَالْعَوَائِدِ

Terjemahan: Perubahan dan perbezaan fatwa [hukum] adalah berasaskan perubahan waktu (masa), ruang (tempat), keadaan, motivasi dan kebiasaan.

Mengulas tentang kaedah ini, al-Qaradawi (2004) berpendapat ia mempunyai sandaran yang kukuh sama ada dari al-Qur'an, al-Sunnah atau pandangan Sahabat. Berasaskan kaedah tersebut, hukum yang ditetapkan berasaskan ijtihad yang tiada nas *qat'i* akan berubah dengan berlakunya perubahan dari segi waktu, tempat dan keadaan, niat dan tradisi (*'urf*). Ini kerana kebiasaannya hukum tersebut dibina bagi memelihara masalah dan kepentingan masyarakat dan dalam masa yang sama menolak sebarang kesulitan di samping mempermudah urusan hidup.

Pada hari ini, kita boleh lihat penubuhan kesatuan-kesatuan ulama' yang berperanan membincangkan isu-isu yang timbul di dalam masyarakat, khususnya isu-isu kontemporer. Perbincangan ini biasanya akan melibatkan ramai pihak jika isu yang dibincangkan menyentuh pelbagai aspek, contohnya penglibatan pakar perubatan jika isu tersebut menyentuh aspek perubatan. Hal ini dilakukan bagi menjamin jawapan dan respon fatwa yang diberikan lebih tepat.

Para ulama' klasik apabila berjihad khususnya jika ia mempunyai perkaitan dengan sains, mereka akan hanya bergantung pengalaman dari individu-individu tertentu, fakta sains yang terhad atau hanya kepada zahir nas sama ada dari al-Qur'an atau hadis yang sebenarnya boleh difahami dengan lebih baik melalui bantuan dapatan sains terkini. Contohnya dalam isu yang selalu disebutkan

dewasa ini melibatkan makanan dan rawatan sunnah. Kebanyakan metod pemakanan dan rawatan yang disebutkan oleh Nabi saw adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi beliau melalui pakar perubatan di Madinah. Boleh jadi, ia hanya sesuai di tanah Arab disebabkan suasananya yang kering, panas, bermusim, dan sebagainya, namun tidak sesuai bagi pesakit di kawasan yang berlainan geografi.

Hal yang sama juga boleh dilihat dalam isu tempoh maksimum kehamilan dan darah haid bagi wanita mengandung, kebanyakan mereka hanya menggunakan pengalaman individu-individu tertentu sebagai maklumat untuk mereka berjihad. Walaupun individu tersebut merupakan seorang yang dipercayai, namun fakta sains tidak cukup dengan hanya bergantung kepada pengalaman individu tertentu (al-Qaradawi, 1996). Dalam perbincangan yang seterusnya, pengkaji akan membincangkan kedua-dua isu ini dengan lebih mendalam dengan melihat pendapat dari fuqaha' klasik dan pandangan para pengamal perubatan moden. Seterusnya, dua pendapat ini akan cuba diselarikan bagi mencari jalan penyelesaian yang lebih lunak.

ANALISIS 1: TEMPOH KEHAMILAN

Kehamilan berlaku dengan persenyawaan antara sperma dengan ovum selepas berlaku perisetubuhan antara lelaki dan perempuan. Sperma akan berenang melalui rahim (*uterus*) sehingga ke tiub fallopio di mana ovum akan menanti di situ. Selepas berlaku persenyawaan, ovum akan menghalang sperma lain dari bersenyawa dengannya. Seterusnya, ia akan terus membahagi dan menempel di dinding rahim ('Abd al-Rashid, 2005).

Para pengamal perubatan pada hari ini mengatakan bahawa tempoh paling lama janin boleh berada dalam perut ibu adalah sepuluh bulan sahaja. Ini kerana, tali pusat yang menjadi penyalur makanan antara ibu dan janin akan menua selepas sembilan bulan. Selepas tempoh tersebut, kandungan oksigen dan makanan akan berkurang sedikit demi sedikit sehingga janin boleh mati ('Abd al-Rashid, 2005).

Bagi para fuqaha' silam, mereka mempunyai pandangan yang sangat berbeza dalam isu ini. Antaranya pendapat yang mengatakan sembilan bulan (Ibn Hazm), setahun (Muhammad bin 'Abd al-Hakam), dua tahun (Mazhab Hanafi), tiga tahun (Imam al-Laith), empat tahun (Mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali), lima tahun ('Abbad bin al-'Awwam dan satu riwayat dari mazhab Maliki), enam tahun (al-Zuhri), tujuh tahun (Rabi'ah) dan tiada had yang tertentu (Abu 'Ubayd al-Qasim dan al-Shawkani) (Ibn Hazm, 1352H; al-Qurtubi, 2006; al-Sarakhsi, t.t.; al-Kasani, 1986; Ibn 'Abidin, 2003; Ibn Qudamah, 1997; al-Qarafi, 1994; Ibn Rusyd et al., 1995; al-Dusuqi, t.t.; Ibn 'Abd al-Barr, 1992).

Hujah Setiap Pendapat

Hujah mazhab al-Zahiri (9 bulan) adalah (Ibn Hazm, 1352H):

Dua ayat al-Qur'an, iaitu surah al-Baqarah, ayat 233 dan surah al-Ahqaf, ayat 15.

Saidina 'Umar menganggap bahawa tempoh mengandung adalah sembilan bulan kerana wanita yang diceraikan dalam keadaan haidnya keluar sekali atau dua kali sahaja, dia perlu menunggu sehingga sembilan bulan (al-San'ani, 1983, no. hadis 11095).

Hujah mazhab Hanafi (dua tahun) adalah apa yang diriwayatkan dari 'Aishah ra:

ما تزيد المرأة في الحمل على سنتين ولا قدر ما يتحول ظل عود المغزل

Terjemahan: Seseorang wanita tidak akan mengandung lebih dari dua tahun melainkan sangat sedikit (al-Bayhaqi, 2003, no. hadis 15552; al-Daruqutni, 2004, no. hadis 3874).

Hujah Imam al-Laith (tiga tahun) adalah riwayat yang mengatakan hamba perempuan kepada 'Umar bin 'Abdullah telah mengandung selama tiga tahun (Ibn Qudamah, 1997). Malah, Imam Malik telah dilahirkan selepas berada di dalam kandungan ibunya selama tiga tahun (Ibn Hazm, 1352H).

Hujah mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali (empat tahun) adalah Imam Malik pernah disebutkan kepadanya tentang hadith 'Aishah seperti di atas, lalu beliau menjawab:

سبحان الله! من يروي هذا؟ هذه جارتنا امرأة محمد بن عجلان، امرأة صدق زوجها رجل صدق، حملت ثلاثة أبطان في

اثنتي عشرة سنة، تحمل كل بطن أربع سنين

Terjemahan: *Subhanallah*, siapakah yang meriwayatkan seperti ini! Jiran kami, isteri kepada Muhammad bin 'Ajlan, dia adalah seorang yang jujur, suaminya juga seorang yang jujur. Dia telah mengandung sebanyak tiga kali dalam tempoh dua belas tahun. Setiap kali mengandung, tempohnya empat tahun (al-Bayhaqi, 2003, no. hadis 15553; al-Daruqutni, 2004, no. hadis 3877).

Pihak yang mengatakan tempoh maksimum adalah lima tahun dan ke atas mengatakan mereka pernah mendengar akan kehamilan yang melebihi tempoh lima tahun. Jadi, jika sesuatu perkara ia melibatkan penetapan kadar atau tempoh tetapi ia tidak disebutkan dengan jelas oleh syarak seperti tempoh maksimum kehamilan, maka hujah '*uruf* boleh digunakan (al-Baghdadi, 1420H;

Ibn 'Abd al-Barr, 1992; al-Hattab, 1398H; al-Azhari, t.t.; Qalyubi dan 'Umayrah et al., 1956; al-Dusuqi, t.t.).

Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam pula mengatakan tempoh minimum kehamilan disebutkan dengan jelas di dalam al-Qur'an, iaitu selama enam bulan. Namun, tempoh maksimum pula sebaliknya. Disebabkan tempoh maksimum tidak disebut dengan jelas, maka ia tidak boleh ditetapkan dengan kadar tertentu selagi tiada dalil yang betul-betul jelas dan kuat (al-Jawziyyah, 1431H; Ibn Qudamah, 1997).

Tempoh Maksimum Kehamilan Menurut Pakar Perubatan

Tempoh kehamilan dikira berdasarkan kepada hari pertama bagi haid yang terakhir (last menstrual period). Jangkaan waktu kelahiran dikira dengan menambahkan 40 minggu daripada hari pertama bagi haid yang terakhir tersebut. Tempoh kehamilan normal adalah di antara 37 – 40 minggu. Jika kandungan dibiarkan melepasi tempoh tersebut, hanya kurang daripada 5% akan melahirkan bayi melebihi 42 minggu (Zubaidi, 2015; 'Abd al-Rashid, 2005; Kan'an, 2010). Kelahiran yang melebihi tempoh 42 minggu memiliki risiko komplikasi kepada bayi. Kajian menunjukkan bahawa apabila kandungan melebihi 38 minggu, risiko untuk keguguran meningkat dengan bertambahnya usia kandungan (Stuart C, 2008). Kehamilan yang melebihi tempoh 42 minggu dikatakan terancam disebabkan pada ketika itu, bayi sudah mencapai saiz yang maksimum dan tugas uri menjadi semakin tidak efisien yang akhirnya membawa kepada kegagalan uri untuk berfungsi (Zubaidi, 2015).

Sehingga ke hari ini, tidak ada ujian yang boleh menjangkakan samada bayi dalam kandungan yang melebihi tempoh maksimum kehamilan tersebut dapat dilahirkan dengan sihat atau pun sebaliknya. Ultrasound scan dan CTG (continuous tocogram) hanya boleh mengetahui keadaan bayi dalam kandungan pada ketika ujian dijalankan sahaja. Pada tahun 1945, majalah *Time Magazine* telah menerbitkan satu artikel mengenai Beulah Hunter, yang telah melahirkan seorang bayi perempuan yang sihat setelah mengandung selama 375 hari. Beliau telah mengandung melebihi 3 bulan daripada kandungan normal yang lain (Beulah, 2015).

Rumusan

Kesimpulannya, dapat dikatakan pendapat mereka ini hanya satu ijtihad (Ibn 'Abd al-Barr, 1993; Ibn Qudamah, 1997) yang dibuat berdasarkan pengalaman individu-individu tertentu yang mengalami kehamilan. Malah, Imam Ibn Hazm (Ibn Hazm, 1352H) dan al-Shawkani (al-Shawkani, t.t.) mengkritik hadith-hadith yang digunakan. Kata Ibn Hazm:

Semua maklumat-maklumat dan cerita-cerita ini adalah bohong dan disandar kepada orang-orang yang tidak boleh dipercayai atau dikenali. Bagaimana mungkin sesuatu hukum syarak di dalam Islam terbina di atas maklumat atau cerita seperti ini?

Sebahagian ulama' yang lain pula mengatakan jika perbezaan pendapat seperti ini berlaku, ia perlu dilihat kepada 'uruf. Malah pihak pengamal perubatan sendiri tidak akan mengambil risiko membiarkan kandungan lebih dari sepuluh bulan. Dr. Yusuf al-Qaradawi (1996) dan Syeikh Abu Zahrah (t.t.) lebih bersetuju dengan tempoh yang ditetapkan oleh para pengamal perubatan berbanding melihat kepada pengalaman individu silam yang mungkin tersilap dalam menentukan tempoh kehamilan mereka.

ANALISIS 2: KELUARNYA HAID SEWAKTU MENGANDUNG

Darah haid adalah darah yang keluar daripada faraj wanita disebabkan oleh dinding Rahim yang runtuh disebabkan tiada persenyawaan yang berlaku. Apabila persenyawaan berlaku, dinding rahim akan menebal sebagai persediaan untuk ovum menempel. Penebalan dinding rahim ini berlaku dengan bantuan hormone oestrogen. Selepas proses ovulasi berlaku, hormone progesterone pula berfungsi untuk mengekalkan ketebalan dinding rahim.

Para fuqaha' klasik berbeza pendapat dalam isu keluarnya darah dalam tempoh kehamilan. Secara ringkasnya, kita boleh bahagikan kepada dua pendapat:

Pendapat pertama: Ia adalah darah *istihadah*, bukan darah haid walaupun ia keluar pada waktu dan tempoh yang sama dengan kitaran haidnya. Ini adalah pendapat dari mazhab Hanafi (al-Kasani, 1990; al-Sarakhsi, t.t.), Hanbali (Ibn Qudamah, 1997; Dawayan, 1982) dan Zahiri (Ibn Hazm, 1352H).

Pendapat kedua: Ia adalah darah *haid* jika ia keluar dalam waktu, tempoh dan keadaan yang sama jika dia tidak mengandung. Ia adalah pendapat dari mazhab Maliki, Shafi'i dan satu riwayat dari Ahmad (al-Qarafi, 1994; al-Nafrawi, 1997; al-Dusuqi, t.t.; al-Mawardi, 1994; al-Juwayni, 2007; al-Nawawi, t.t.; al-Maqdisi; t.t.).

Hujah Pendapat Pertama

Hujah yang digunakan oleh pendapat pertama adalah firman Allah swt: *Dan perempuan-perempuan yang mengandung, tempoh 'iddahnya ialah sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya* (Surah al-Talak, 4). Mereka juga menggunakan hujah dari hadis yang diriwayatkan dari Abi Sa'id al-Khudri bahawa Nabi saw bersabda:

لا توطأ حامل حتى تضع ، ولا غير ذات حمل حتى تحيض حيضة

Terjemahan: Janganlah kamu menyetubuhi wanita (isteri) mengandung sehingga dia bersalin, dan (jangan kamu menyetubuhi) wanita (isteri) yang tidak mengandung sehingga dia selesai haidnya (Abu Dawud, t.t., no. hadis 2157; Ahmad, 1420H, 16997).

Dalam ayat al-Qur'an di atas, Allah swt telah menyebutkan 'iddah perempuan yang mengandung iaitu dengan tiga kali suci (atau haid). Keadaan ini menjadi bukti bahawa perempuan yang mengandung bukan dari golongan yang mengalami haid kerana tempoh 'iddahnya disebutkan secara berasingan. Keadaan yang sama juga boleh dalam hadis tersebut (al-Sarakhsi, t.t.; Ibn al-Mundhir, 1405H).

Dalam satu *athar* yang diriwayatkan dari 'Aishah ra, beliau berkata:

الحامل لا تحيض ، تغتسل وتصلّي

Terjemahan: Orang (perempuan) yang hamil itu tidak akan mengalami haid, (jika keluar darah) dia hanya perlu membersihkannya dan kemudian solat (al-Bayhaqi, 2003, no. hadis 15432; al-Daruqutni, 2004, no. hadis 849).

Menurut mereka, perkara ini tidak boleh diketahui melainkan dengan nas sahaja. 'Aishah ra mengatakan perkara ini seolah-olah dia mendengarnya dari Nabi saw (al-Kasani, 1990; al-Sarakhsi, t.t.). Malah, haid adalah darah yang keluar dari rahim. Darah yang keluar dari perempuan hamil bukan dari rahim kerana rahimnya sudah tertutup (al-Kasani, 1990).

Hujah Pendapat Kedua

Hujah yang digunakan oleh pendapat kedua pula adalah firman Allah swt: *Dan mereka bertanya kepada engkau tentang perempuan-perempuan yang didatangi haid. Katakan (kepada mereka): Ia adalah kotoran. Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid* (al-Baqarah: 222). Malah, Nabi saw bersabda:

إذا كان الحيض فإنه أسود يُعْرِفُ ، فأمسكي عن الصلاة ، وإذا كان الآخر فتوضئي وصلي ، فإنما هو دم عرق

Terjemahan: Jika ia darah haid, maka warnanya kehitaman dan berbau, maka janganlah solat. Tetapi jika sebaliknya, maka ambillah wuduk dan solat. Sesungguhnya ia adalah darah peluh (*istihadah*) (Ahmad, 1420H; Abu Dawud, t.t., 304).

Menurut mereka, Allah swt dan Nabi saw menyebutkan keadaan wanita haid secara umum tanpa mengikatnya dengan mana-mana keadaan, sama ada wanita tersebut dalam keadaan hamil atau tidak. Maka, terdapat kebarangkalian perempuan mengandung juga boleh mengalami haid berdasarkan umum ayat dan hadis di atas (al-Shirbini, 1997; Qalyubi dan 'Umayrah et al., 1956). Seterusnya, terdapat dua kemungkinan jika darah keluar ketika mengandung, sama ada ia adalah darah tali pusat atau darah *istihadah*. Hukum asal bagi seseorang adalah dia sihat. Maka, ia adalah darah haid berdasarkan kaedah *Istishab* (al-Shirbini, 1997).

Darah Perempuan Mengandung Menurut Pakar Perubatan

Terdapat beberapa sebab pengeluaran darah daripada vagina wanita yang hamil. Pendarahan ketika hamil, selalunya menandakan ada sesuatu yang tidak baik berlaku ketika hamil. Namun punca pendarahan itu bergantung kepada usia kehamilan dan pemeriksaan yang dijalankan (Zubaidi, 2015). Ia boleh dibahagikan mengikut tempoh kandungan. Jika pada trimester pertama kandungan (12 minggu yang pertama), keluarnya darah boleh terjadi disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut:- Keguguran atau proses keguguran, kandungan luar rahim (Mark D, 2009) dan pendarahan implantasi (implantation bleeding) (Zubaidi, 2015). Pendarahan implantasi adalah pendarahan berlaku apabila telur wanita (ovum) yang telah disenyawakan dengan sperma, bergerak menuju ke rahim dan menanamkan dirinya ke dinding dalam rahim. Maka berlaku sedikit pendarahan, dan kebanyakannya berwarna coklat atau merah jambu dan berlaku selama 1-3 hari sahaja.

Pendarahan yang berlaku pada trimester 2 dan 3 (selepas minggu ke-12) adalah uri yang berada di bahagian bawah rahim (placenta praevia), uri terpisah (placenta abruption), Rahim pecah (uterine rupture), saluran darah uri yang berada di bawah (vasa praevia) (Ellen, 2007), kelahiran pra matang dan tanda-tanda mahu melahirkan anak (Zubaidi, 2015)

Terdapat juga darah yang keluar pada wanita mengandung tetapi tidak berkaitan dengan usia kandungan seperti kanser pangkal rahim, trauma dan jangkitan kuman pada vagina serta masalah

pembekuan darah (Zubaidi, 2015). Dari segi perubatan, wanita mengandung tidak mungkin mengalami kitaran haid kerana ketiadaan rembesan hormon yang merangsang pengeluaran darah haid.

Kesan Perbezaan Pendapat Ini

Kesan dari perbezaan pendapat telah menyebabkan para fuqaha' berselisih dalam beberapa isu fiqh yang berkaitan dengannya. Pihak yang mengatakan perempuan mengandung boleh mengalami haid, dia perlu meninggalkan solat dan puasa, tidak boleh bersetubuh dengan suaminya, tidak boleh memegang mushaf dan bertawaf mengelilingi ka'bah. Namun, ia tidak boleh dijadikan kayu ukur 'iddah kerana 'iddah perempuan mengandung adalah dengan melahirkan anaknya berdasarkan firman Allah di dalam surah al-Talaq, ayat 4 (Ibn Rushd et al, 1995; al-Jassas, 1335H).

Pihak yang berpendapat sebaliknya pula menganggap ia adalah darah *istihadah* dan dia wajib bersolat seperti biasa, boleh berpuasa, boleh bersetubuh dengan suaminya, bertawaf, beriktikaf sama seperti perempuan yang suci (Ibn Rushd et al, 1995; al-Jassas, 1335H). dalam bab talak pula, ia tidak dikira sebagai talak *bid'ī* mengikut kedua-dua pendapat ini (Ibn Qudamah, 1997; al-Jawziyyah, 1399H; al-Shirbini, 1997).

Rumusan

Selepas membuat perbandingan antara perselisihan para fuqaha' dengan pandangan dari sudut pengamal perubatan, pengkaji merasakan pendapat yang mengatakan perempuan mengandung tidak boleh mengalami haid adalah lebih kuat dengan sokongan dari dapatan sains terkini. Ini kerana, sebarang isu berkaitan perubatan perlu dibuktikan dengan kajian makmal bukan melalui pengalaman individu-individu tertentu yang boleh jadi tersilap, lebih-lebih lagi punca darah tersebut berada di dalam badannya dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Pengkaji berharap supaya perselisihan ini boleh diangkat dan menggunakan pendapat ini sahaja.

PENUTUP

Penemuan-penemuan baru dalam bidang sains khususnya masih tidak diterima oleh sebahagian ulama' kontemporari. Namun, kebanyakan badan-badan fatwa berautoriti sama ada di peringkat negara atau dunia telah melibatkan pakar-pakar dari setiap bidang dalam perbincangan sesuatu hukum. Penglibatan mereka akan menjadikan fatwa yang dikeluarkan lebih tepat dan selari dengan perkembangan semasa.

Namun begitu, hukum-hakam yang sudah termaktub secara jelas di dalam al-Qur'an atau hadis-hadis *sahih*, seperti rukun iman dan rukun Islam tidak boleh dipertikaikan dengan akal atau fakta sains kerana ia tidak akan berubah dengan perubahan masa, tempat atau keadaan.

BIBLIOGRAFI

- 'Abd al-Rashid Qasim. 2005. *Ahkam al-Mar'ah al-Hamil wa Hamliha*. Riyad: Dar al-Kiyan.
- Abi Dawud. t.t. *Sunan Abi Dawud*, tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Gharbi.
- Ahmad. 1420H. *Musnad al-Imam Ahmad*, tahqiq: Shu'ayb al-Arna'ut. Riyad: Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat, Arab Saudi.
- Al-'Aini, Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad. 1990. *Al-Binayah fi Sharh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-'Umrani, Abi al-Husayn Yahya bin Abi al-Khayr bin Salim al-Shafi'i al-Yamani. 2001. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Al-Baghdadi, al-Qadi 'Abd al-Wahhab. 1420H. *Al-Ma'unah 'ala Madhhab 'Alim al-Madinah*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*, tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. t.t. *Al-Rawd al-Murabba' Sharh Zad al-Mustaqna'*, tahqiq: Muhammad bin Sali al-Uthaimin et al. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Daruqutni, 'Ali bin 'Umar. 2004. *Sunan al-Daruqutni*, tahqiq: Hasan 'Abd al-Mun'im Shalabi dan Haitham 'Abd al-Ghafur. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Dusuqi, Shams al-Din Muhammad 'Arafah. t.t. *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: Maktabah 'Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Hattab, Abu 'Abdillah Muhammad bin Muhammad 'Abd al-Rahman. 1398H. *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Razi. 1335H. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Jawziyyah, . 1399H. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*, tahqiq: 'Abd al-Qadir al-Arna'ut dan Shu'ayb al-Arna'ut. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Jawziyyah, Abi 'Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub al-Ma'ruf bi Ibn Qayyim. 1423H *I'lam al-Muwaqqi'in*, tahqiq: Abu 'Umar Ahmad 'Abdullah Ahmad. Jeddah: Dar Ibn Hazm.
- _____. 1412H. *Ighathah al-Lahafan min Masa'id al-Shaytan*, tahqiq: Muhammad Hamid al-Faqqi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____. 1431H. *Tuhfah al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlud*, tahqiq: 'Uthman bin Jum'ah Dumayriyyah. Mekkah al-Mukarramah, Dar 'Alam al-Fawa'id.
- _____. 1992. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. c. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Juwayni, 'Abd al-Malik bin 'Abdillah bin Yusuf. 2007. *Nihayah al-Matlab fi Darayah al-Madhhab*, tahqiq: 'Abd al-'Azim Mahmud al-Dib. Beirut dan Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Hanafi. 1986. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Sharai'*. Beirut: Dari al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Maqdisi, Baha' al-Din 'Abd al-Rahman bin Ibrahim. 1997. *Al-'Uddah Sharh al-'Umdah*, tahqiq: Khalid Muhammad Muharram. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Mawardi, Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri. 1994. *Al-Hawi al-Kabir fi fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi'i*, tahqiq: 'Ali Muhammad Mu'awwad dan 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nafrawi, Ahmad bin Ghanim bin Salim bin Mahanna al-Azhari al-Maliki. 1997. *Al-Fawakih al-Dawani 'ala Risalah Ibn Abi Zayd al-Qayrawani*, tahqiq: Muhammad 'Ali Baydwan. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Dimashqi. 2003. *Rawdah al-Talibin*, tahqiq: 'Ali Muhammad Mu'awwad dan 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud. Beirut: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf. t.t. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*, tahqiq: Muhammad Najib al-Muti'i. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1989. *al-Khasa'is al-'Ammah li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____. 1996. *Al-Ijtihad fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- _____. 2004. *'Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. c. 4, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris. 1994. *Al-Dhakhirah*, tahqiq: Muhammad Bukhubzah. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- _____. 1995. *Al-Ihkam fi Tamyiz al-Fatawa 'an al-Ahkam wa Tasarrufat al-Qadi wa al-Imam*, tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- _____. 2003. *Al-Furuq*, tahqiq: 'Umar Hasan al-Qiyyam. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran (Tafsir al-Qurtubiy)*, tahqiq: 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki et al. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-San'ani, Abu Bakr 'Abd al-Razzaq bin Hammam. 1983. *Al-Musannaf*, tahqiq: Habib al-Rahman al-A'zami. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Sarakhsi, Shams al-Din. t.t. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali. t.t. *Al-Sayl al-Jarrar al-Mudaffiq 'ala Hada'iq al-Azhar*, tahqiq: Mahmud Ibrahim Zayd. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shirbini, Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, tahqiq: Muhammad Khalil 'Aitani. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Beulah Hunter: Longest Pregnancy Ever (<http://mom.me/pregnancy/8759-10-amazing-record-setting-moms/item/beulah-hunter-longest-pregnancy-ever/>) diakses pada 14 Mei 2015.
- Dawayan, Ibrahim bin Muhammad bin Salim. 1982. *Manar al-Sabil fi Sharh al-Dalil*, tahqiq: Zuhayr al-Shawaish. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ellen S, Lawrence L, et al. 2007. *Late Pregnancy Bleeding*. Am Fam Physician, vol. 75, no. 8: 1199-1206.
- Ibn 'Abd al-Barr, Abi 'Umar Yusuf bin 'Abdullah bin Muhammad al-Qurtubi. 1992. *Al-Kafi fi Fiqh Ahl al-Madinah al-Maliki*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Abd al-Barr, Abu 'Umar Yusuf bin 'Abdullah bin Muhammad. 1993. *Al-Istidhkar*, tahqiq: 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji. Beirut dan Kaherah: Dar al-Qutaybah dan Dar al-Wa'y.
- Ibn 'Abidin. 2003. *Radd al-Muhtar fi al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, tahqiq: 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud dan 'Ali Muhammad Mu'awwad. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- _____. t.t. *Nasyr al-'Urf fi Bina' Ba'd al-Ahkam 'ala al-'Urf dalam Majmu'ah Rasa'il Ibn 'Abidin*. t.p.
- Ibn Abi Shaibah, Abi Bakr 'Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim. 2004. *Al-Musannaf*, tahqiq: Hamad bin 'Abdullah al-Jum'ah dan Muhammad bin Ibrahim al-Luhaidan. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn al-Mundhir, Muhammad bin Ibrahim al-Naysaburi. 1405H. *Al-Awsat fi al-Sunan wa al-Ijma' wa al-Ikhtilaf*, tahqiq: Saghir Ahmad Hanif. Riyad: Dar Tibah.

- Ibn Hazm, Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id. 1352H. *Al-Muhalla*, tahqiq: Muhammad Munir al-Dimashqi. Kaherah: al-Tiba'ah al-Muniryah.
- Ibn Muflih, Shams al-Din al-Hanbali al-Maqdisi. t.t. *Al-Nukat wa al-Fawaid al-Saniyyah 'ala Mushkal al-Muharrar*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi al-Hanbali. 1997. *Al-Mughni*, tahqiq: 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki dan 'Abd al-Fattah Muhammad al-Halw. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi. 1997. *Al-Kafi*, tahqiq: 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki. Kaherah: Dar Hajar.
- Ibn Rushd et al., Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Ibn Ahmad al-Qurtubi al-Andalusi. 1995. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, dicetak bersama 'Abdullah al-'Abbadi. *Al-Sabil al-Murshid il Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Kan'an, Ahmad Muhammad. 2010. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Tibbiyyah*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Mark D, Amy T.T. 2009. *First Trimester Bleeding*. Am Fam Physician, vol. 79, no. 11: 985-992.
- Muslim, Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naisaburi. 1426H. *Sahih Muslim*, tahqiq: Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi. Riyad: Dar Tibah.
- Obstetrics by Ten Teachers. Stuart C, Christoph L. 17th Ed, New Delhi, 2000. 8: (92).
- Qalyubi dan 'Umayrah, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah al-Qalyubi al-Misri dan Shihab al-Din Ahmad al-Birlisi, al-Mulaqqab bi 'Umayrah. 1956. *Hashiyata Qalyubi wa 'Umayrah*, dicetak bersama al-Mahalli, *Sharh Jalal al-Din Muhammad Ahmad al-Mahalli*, dan al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin*. Kaherah: Maktabah al-Halabi.
- Smith GC. 2001. *Life-table analysis of the risk of perinatal death at term and post term in singleton pregnancy*. AMJ Obstetric Gynecology, vol. 184, no. 3: 489-96.
- Zubaidi (<http://drzubaidi.com/blog/punca-pendarahan-ketika-hamil/>) diakses pada 14 Mei 2015.